



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (Company No. 902884V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT").

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	TAKLIMAT RFP
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR ADDITION & ALTERATION (A&A) WORKS TO THE EXISTING BUKIT BINTANG MRT STATION & TUN RAZAK EXCHANGE (TRX) MRT STATION FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (MRT CORP) NO. RFP: RFP/PD/Q13-2022	Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari: CIDB Gred : G4 dan keatas Kategori & Pengkhususan : B28 dan CE21 DAN SSM Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tarikh : Isnin, 18 Julai 2022 Masa : 11.00 pagi Via : Aplikasi Zoom (Dalam Talian) Untuk menyertai Taklimat RFP, semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:- 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfcl0MQ1bjkoQ5n-1cwCi1ER25oUGHcTOA8R-qqOeGhReqTGw/viewform ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan. Pra-pendaftaran akan bermula pada Khamis, 7 Julai 2022 sehingga 15 Julai 2022 . Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.

Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:



Dokumen RFP akan di serahkan kepada Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat RFP yang di tetapkan secara percuma, melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Pembida dikehendaki mengemukakan Dokumen RFP yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFP.

Selain dari syarat-syarat di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI	
1)	Tiada kompaun DOSH ATAU penalti melebihi RM20,000 bagi satu kes dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir. Sekiranya ada, Pembida boleh mengemukakan 'Prove of Improvement Action' sebagai kelayakan.
2)	Tiada kompaun DOE ATAU penalti melebihi RM50,000 bagi setiap kes dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir. Sekiranya ada, Pembida harus mengemukakan 'Prove of Improvement Action' sebagai kelayakan.

Nota:

- Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
- Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Pembida digalakkan menyertai sesi taklimat RFP secara dalam talian pada Tarikh dan masa seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Dokumen RFP akan diberikan melalui email kepada Pembida selepas sesi taklimat RFP. MRT Corp TIDAK AKAN melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFP sebelum waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my.